

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 2
Set 4/2004
1 Jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004**

BAHASA MELAYU
Ujian Penulisan
Satu jam

Arahan Am:

1. *Kertas soalan ini mengandungi **2 soalan**. Anda dikehendaki menjawab **Soalan 1 dan Soalan 2**.*
2. *Bagi Soalan 1, anda boleh membuat pilihan **sama ada** untuk menjawab Soalan 1 (a) **atau** Soalan 1 (b).*
3. *Bagi tiap-tiap soalan , panjangnya karangan anda mestilah **tidak kurang daripada 80 patah kata dan tidak melebihi 120 patah kata**.*

*Kertas soalan ini ada dua soalan. Anda dikehendaki menjawab **Soalan 1** dan **Soalan 2**. Bagi Soalan 1, anda boleh membuat pilihan sama ada untuk menjawab Soalan 1 (a) atau Soalan 1 (b). Bagi tiap-tiap soalan, panjangnya karangan anda mestilah tidak kurang daripada 80 patah kata dan tidak melebihi 120 patah kata.*

Soalan 1 (a) Andaikan bahawa rakan anda mengetahui bahawa pencapaian pelajaran anda semakin merosot. Rakan anda itu telah mengutus surat untuk memberikan nasihat kepada anda.
Balas surat tersebut dengan mengucapkan terima kasih serta menceritakan masalah yang anda hadapi.

Atau

Soalan 1 (b) Kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan sering disalahgunakan oleh sesetengah pihak.
Nyatakan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengatasi masalah penyalahgunaan kemudahan awam yang disediakan itu.

Soalan 2 Andaikan bahawa rakan anda telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan syarahan peringkat negeri. Anda dan beberapa orang sahabat anda telah berbual-bual dengannya.
Tulis perbualan tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT